



BORANG PERMOHONAN BIASISWA KUMPULAN WANG PUSAT PERDAGANGAN LAUT (KWPPL)

BAHAGIAN 1: BUTIRAN PEMOHON

NAMA PENUH :

JANTINA :

NOMBOR PELAUT :

NOMBOR KAD PENGENALAN :

WARGANEGARA MALAYSIA YA TIDAK

ALAMAT SURAT MENYURAT :

:

:

:

:

NOMBOR TELEFON : +6

EMEL :

STATUS PERKAHWINAN BELUM BERKAHWIN BERKAHWIN

BIL. TANGGUNGAN / ANAK :

JIKA BERKAHWIN,
PEKERJAAN ISTERI / SUAMI :

PEKERJAAN BAPA :

PEKERJAAN IBU :

KURSUS YANG DIPOHON :

PERAKUAN KEKOMPETENAN
SEMASA :

PENGUASAAN BAHASA : BAHASA MELAYU

Sila tanda mengikut :

1 - Lemah

2 - Kurang mahir

3 - Memuaskan

4 - Baik

5 - Cemerlang

1 2 3 4 5

: BAHASA INGGERIS

1 2 3 4 5

: LAIN-LAIN BAHASA

1 2 3 4 5

BAHAGIAN 2: ESEI RINGKAS

Sila terangkan mengapa anda seharusnya ditawarkan biasiswa daripada KWPPPL.
Sebagai tambahan, mohon nyatakan komitmen dan perancangan masa hadapan kerjaya pelaut anda.

BAHAGIAN 3: DOKUMEN SOKONGAN

(Sila tandakan (✓) pada dokumen yang lengkap. Dokumen sokongan wajib disediakan dalam format PDF dan dihantar bersekali dengan permohonan biasiswa pelaut melalui emel)

1. Buku Perkhidmatan Laut
2. Surat sokongan daripada Nakhoda atau Ketua Juruenjin (appraisal/evaluation form daripada syarikat perkapalan juga adalah digalakkan)
3. Salinan sijil-sijil kursus modular yang telah dihadiri
4. Salinan Perakuan Kekompetenan (COC)
5. Salinan kad Pengenalan
6. Salinan Kad Pelaut

BAHAGIAN 4: PENGAKUAN PEMOHON

Saya akui bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar. Jika didapati terdapat sebarang penipuan atau pemalsuan maklumat, permohonan dan pembayaran biasiswa serta penilaian temuduga saya akan terbatal secara sendirinya. Pihak KWPPPL tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kesulitan diri saya sekiranya permohonan ini terbatal.

YA

TIDAK

KETERANGAN PROSES PERMOHONAN BIASISWA PELAUT KUMPULAN WANG PUSAT PERDAGANGAN LAUT (KWPPPL)

1. PROSES PERMOHONAN

- 1.1. Permohonan biasiswa ini mestilah dilakukan secara rasmi oleh peserta/pelaut berwarganegara Malaysia secara langsung tanpa melibatkan sebarang pengaruh atau sokongan daripada mana-mana institut latihan maritim.
- 1.2. Permohonan hendaklah dikemukakan dengan borang yang lengkap, dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan, serta mematuhi kriteria kursus di Lampiran 1 dan syarat di Lampiran 2 pada Nota Maklumat dan Panduan Marin bilangan 1/2013 (NMPM 1/2013).
- 1.3. Klik *Save PDF* setelah borang diisi lengkap. Penghantaran permohonan dilakukan secara emel kepada kwpppl@marine.gov.my dengan tajuk emel tersebut dinyatakan sebagai:

'PERMOHONAN BIASISWA <nama pemohon> <tahun kursus yang dimohon>'

Contoh tajuk emel yang perlu ditulis jika nama pemohon ialah *Johan Sufian*, manakala tahun kursus yang bakal diambil adalah 2023:

PERMOHONAN BIASISWA JOHAN SUFIAN 2023

- 1.4. Hanya permohonan yang lengkap dan dihantar melalui emel sahaja yang akan diproses.
- 1.5. Proses penelitian dan penyenaraian pendek calon yang berjaya akan dilakukan oleh pihak KWPPPL dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh penerimaan emel dengan dokumen yang lengkap.
- 1.6. Pemohon yang berjaya untuk ke peringkat temuduga akan diberikan notis pemberitahuan dan akan dihubungi oleh urusetia KWPPPL. Jika selepas tempoh 2 bulan pada perkara 1.5, pemohon yang tidak mendapat sebarang maklum balas, tidak akan disenarai-pendek ke peringkat seterusnya dan dibolehkan untuk memohon semula pada sesi pembukaan permohonan biasiswa yang akan datang.
- 1.7. Rayuan dan bantahan tidak akan memberi sebarang impak kepada permohonan memandangkan keputusan panel pemilih KWPPPL adalah muktamad.

2. LATAR BELAKANG PENAJAAN

- 2.1. Penajaan biasiswa KWPPPL adalah terbahagi kepada 2 kategori. Kategori yang dimaksudkan ialah:

Kategori A

- Bayaran penuh yuran kursus utama; dan
- Bayaran elaun sara hidup sepanjang kursus berlangsung.

Kategori B

- Bayaran penuh yuran kursus utama

- 2.2. Penajaan biasiswa ini adalah diutamakan kepada pemohon yang mempunyai kekangan kewangan dan jumlah tanggungan keluarga yang tinggi. Penentuan kategori yang layak diberikan kepada pemohon yang berjaya adalah ditentukan sepenuhnya oleh panel pemilih dan urusetia KWPPPL.

3. TANGGUNGJAWAB PEMOHON

- 3.1. Pemohon mestilah tidak mempunyai rekod jenayah.
- 3.2. Tidak mempunyai sebarang aduan/masalah disiplin yang melibatkan tatatertib ketika menjalankan kursus atau ketika tempoh perkhidmatan laut di atas kapal.
- 3.3. Tidak mempunyai penyakit kronik atau sebarang penyakit/kecederaan yang memerlukan pengambilan ubat atau sesi pertemuan dengan pemeriksa kesihatan secara berterusan.
- 3.4. Penguasaan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris pemohon mestilah pada tahap yang sangat memuaskan.
- 3.5. Permohonan terbuka kepada kursus-kursus yang berlangsung dan akan **tamat pada tahun 2023**. Tarikh akhir permohonan biasiswa pelaut ini adalah pada **28 Februari 2023**.

4. TEMUDUGA CALON

- 4.1. Pemohon yang layak ditemuduga akan diberikan tarikh dan tempat temuduga oleh urusetia KWPPPL. Sekiranya calon temuduga sedang berkhidmat pada tarikh tersebut, calon dikehendaki mengemukakan bukti yang kukuh.
- 4.2. Jika terbukti dan diterima oleh urusetia KWPPPL bahawa calon tidak dapat menghadiri diri ke sesi temuduga pertama kerana sedang berkhidmat di atas kapal, beliau diberikan kelonggaran untuk menghadiri diri pada satu (1) kali sesi temuduga yang seterusnya.
- 4.3. Permohonan calon akan ditolak sekiranya:
- Gagal menghadiri kedua-dua sesi temuduga yang telah dinyatakan;
 - Lewat menghadiri diri mengikut masa yang ditetapkan;
 - Tidak memberikan pengesahan terhadap maklum balas temuduga kepada pihak KWPPPL;
 - Tidak mematuhi syarat keterangan permohonan atau NMPM 1/2013;
 - Menduduki/menyelesaikan kursus yang dimohon melebihi tempoh kelulusan penajaan yang dibenarkan.
- 4.4. Calon yang berjaya pada sesi temuduga dan terpilih mendapatkan penajaan biasiswa KWPPPL akan diberikan surat rasmi penerimaan biasiswa dan surat tersebut sah digunakan di semua institut latihan maritim yang diiktiraf oleh Jabatan Laut Malaysia.